

Pelajar: Tindakan radikal diambil

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 27 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengambil tindakan radikal bagi menangani masalah pelajar bumiputera termasuk kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke universiti.

Menurut Perdana Menteri, tindakan itu diharapkan dapat membangkitkan kesedaran mengenai prestasi pelajar bumiputera yang mengecewakan berbanding pelajar bukan bumiputera.

“Mungkin untuk setahun kita buat itu, kita sandarkan semua kemasukan berdasarkan meritokrasi dan lihat apa yang berlaku.

“Ini kerana mereka ini terlalu yakin yang mereka tidak perlukan bantuan kerajaan dan walaupun dapat masuk (universiti) mereka tidak belajar,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

● Reaksi Majlis Perwakilan Pelajar IPTS — Muka 2

Melalui dasar meritokrasi hanya calon yang memenuhi merit atau kelayakan tinggi akan dipilih memasuki sesebuah universiti awam dan tidak lagi memilih calon yang ‘cukup makan’ bagi memenuhi kouta bumiputera.

Walaupun mengakui tindakan itu mungkin memberi kesan negatif kepada UMNO dan kerajaan, Dr. Mahathir menegaskan perkara itu terlalu serius untuk diberi pertimbangan politik semata-mata.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menyifatkan pihak yang cuba mencari kepentingan politik daripada usaha kerajaan itu sebagai pengkhianat.

“Kita hendak buat bagi betul, mereka datang hasut pelajar supaya jangan belajar dan anggap segala yang mereka dapat sebagai hak mereka, mana kerajaan pun

■ Lihat muka 4

Pelajar: Tindakan radikal diambil

akan beri. Kita nak tengoklah kalau kerajaan ini tak beri apa nak jadi,” katanya.

Ditanya siapa yang beliau maksudkan sebagai pengkhianat, Perdana Menteri berkata:

“Tidak perlulah kami menyatakannya tetapi orang mesti boleh membuat andaian, siapa yang cuba mengajar Melayu menyalah tafsir, setiap kali kita hendak buat sesuatu mereka akan putar belitkan.”

Menurut Perdana Menteri, kerajaan juga akan memperkenalkan sistem pembelajaran baru bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengajaran di sekolah.

Berdasarkan sistem itu, kata Perdana Menteri, guru akan bertindak sebagai fasilitator mengajar kurikulum yang telah ditentukan dan akan dipancarkan melalui penggunaan Internet terhad ke sekolah-sekolah.

Menurut beliau, ini untuk memastikan apa yang diajar ialah yang ditentukan dalam kurikulum dan tidak ada lagi penyelewengan dengan mengajar perkara lain termasuk membuat lukisan mirip lambang parti politik tertentu.

Selain sistem pembelajaran baru itu, menurutnya, kerajaan akan mengusahakan bermacam-macam cara untuk memulihkan sistem pendidikan negara supaya golongan bumiputera khususnya orang Melayu akan mencapai kejayaan.

“Kita dapati potensi mereka baik tetapi telah dipengaruhi supaya tidak belajar sebaliknya tumpu perkara lain,” katanya.

Mesyuarat hampir tiga jam yang bermula pukul 9 pagi itu menumpukan perhatian terhadap masalah pendidikan.

Ini termasuk kejatuhan moral di kalangan pelajar, bilangan guru dan pelajar wanita yang melebihi lelaki serta prestasi pelajar bumiputera yang mengecewakan.

Presiden UMNO itu berkata, sebagai parti yang mendokong pemerintahan Barisan Nasional (BN), UMNO berpendapat kerajaan perlu mengambil tindakan radikal berkenaan perkara ini.

Beliau turut membayangkan kemungkinan kerajaan meminda undang-undang bahkan Perlembagaan negara jika perlu untuk menghalang pihak-pihak tertentu mengkhianati sistem pendidikan untuk tujuan lain.

“Kita tidak lagi boleh main-main dengan perkara ini kononnya

hendak layan mereka kerana ini hak asasi manusia dan sebagainya.

“Kita perlu pentingkan masa depan mereka sendiri dan negara,” katanya.

Justeru menurut Perdana Menteri, UMNO akan menggesa supaya kerajaan mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani pelbagai masalah yang melingkari bidang pendidikan khususnya pelajar bumiputera.

Beliau berpendapat penglibatan mereka khususnya Melayu dalam jenayah termasuk kes rogol, vandalisme dan gerakan anti agama atau menyembah syaitan adalah perkara yang amat serius.

Buruk

“Jika tidak ditangani dengan tegas kemungkinan akan menjadi lebih buruk,” katanya.

Sebagai usaha untuk memperbaiki keadaan, Perdana Menteri berkata, sebuah badan khas yang disertai oleh pegawai pendidikan secara sukarela akan diwujudkan bagi mencari jalan menangani masalah pendidikan dalam negara.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad akan memainkan peranan penting dalam badan itu, katanya.

“Kita dapati sementara kita boleh buat pelbagai rancangan untuk membetulkan keadaan tetapi yang penting sekali ialah komitmen pihak yang melaksanakan keputusan ini.

“(Jika) pegawai pelaksana tidak menjalankan tugas dengan baik maka sebarang tindakan yang diambil kerajaan akan gagal,” katanya.

Disebabkan itu, tambah beliau, kerajaan mengadakan badan khas dengan menjemput pegawai kerajaan dan pegawai pendidikan yang sanggup secara sukarela mengambil bahagian dalam memperbaiki keadaan.

“Tiada ada elaun khas. Tetapi yang betul-betul berminat, sayang kepada bangsa dan negara serta patriotik boleh menyertai usaha ini secara rela hati dan tidak melihat sebarang faedah kepada mereka.

“Saya harap dapat sokongan pegawai pendidikan dan guru yang benar-benar sedar tanggungjawab mereka,” kata Perdana Menteri.